Destinasi Impian

Sinopsis

Johari bersama-sama sepupunya, Firdaus dan Azlina menyahut a)_____ datuk mereka untuk (b) _____ sejauh lebih 50 kilometer menuju ke (c)_____. Dalam perjalanan, mereka menghadapi pelbagai cabaran termasuk kerenah Firdaus yang selalu merungut keletihan dan menyesal kerana menyertai aktiviti tersebut. (d)_____ sering kali menyindir abangnya, Firdaus kerana dia merasakan abangnya terlalu (e)_____ dan tidak bersikap seperti lelaki sejati. Dalam perjalanan tersebut, berlaku beberapa pertengkaran kecil dan perselisihan faham antara mereka terutama Azlina dengan Firdaus. Namun begitu, mereka berjaya tiba di Pantai Morib setelah waktu hampir (f)_____. Firdaus disambut dengan meriah oleh (g)_____ sekelasnya yang selalu memperkecil kebolehan dirinya di sekolah akibat perwatakannya yang lemah lembut. Firdaus berasa bangga apabila dipuji dan hal tersebut telah berjaya membuktikan kemampuannya terutama apabila berhadapan dengan gadis yang diminatinya dalam diam iaitu (h)_____. Oleh sebab riak, Firdaus mengatakan bahawa perjalanan mereka mengambil masa yang lama disebabkan oleh adiknya yang sering berhenti rehat kerana merungut keletihan. Dua orang rakannya, iaitu (i)_____ tidak mempercayai perkara yang dikatakan oleh Firdaus dan mereka ingin menyiasat hal tersebut daripada Azlina. Sementara itu, Johari dan Azlina pula disambut dengan rakan kolej Johari dan mereka menginap di (j)_____ yang berlainan dan agak jauh dari khemah Firdaus. Pada malam itu, Firdaus (k)_____ dirinya lemas di dalam laut setelah dihumban ke dalamnya oleh Sazali dan Moksin kerana berbohong. Mimpi tersebut menyedarkan Firdaus akan kesalahannya dan dia mula berasa takut. Keesokan harinya, Johari dan Azlina pulang terlebih dahulu dan meninggalkan Firdaus bersama-sama rakannya setelah dia enggan mengikut mereka untuk pulang bersama-sama. Ketika (l)_____ di pantai, Mazlinda lemas dan Firdaus segera membantunya. Walau bagaimanapun, Firdaus lemas dan pengsan kerana tidak pandai (m)_____. Sebenarnya, Mazlinda hanya berpura-pura tidak pandai berenang dan ingin (n)_____Firdaus. Firdaus (o)_____ akan kesilapannya yang angkuh dan dia menerima teguran daripada Johari secara positif. Rakan-rakannya datang melawat Firdaus di (p)_____

hospital	berbasikal	lemah	rakan-rakan
Azlina	bermimpi	mandi-manda	cabaran
Mazlinda	khemah	insaf	berenang
Pantai Morib	petang	menguji	Sazali dan Moksin

LIVEWORKSHEETS